

## Komitmen HUGO terhadap Sains Global dan Genomik

Pertubuhan Genom Manusia (HUGO) menyokong penuh dan mendukung sains dan genomik pada skala global, mengiktiraf kepentingan dan kemajuan saintifik harus merentasi sempadan negara. HUGO komited dan berdedikasi untuk memupuk komuniti saintifik global yang beroperasi secara bebas daripada pengaruh kerajaan dan kekal bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi.

Prinsip-prinsip utama kami termasuk:

1. **Kolaborasi Global:** HUGO menggalakkan dan mempermudah perkongsian dan kolaborasi antarabangsa dalam kalangan saintis dan penyelidik genomik untuk memajukan pemahaman kolektif dan aplikasi genomik untuk kebaikan manusia sejagat.
2. **Kebebasan daripada Pengaruh Kerajaan:** HUGO komited untuk mengekalkan usaha saintifik yang bebas daripada gangguan atau pengaruh entiti kerajaan, memastikan integriti dan objektiviti penyelidikan ditegakkan.
3. **Keterangkuman dan Kepelbagaian:** HUGO menerima dan menyokong kepelbagaian komuniti saintifik, mengalu-alukan sumbangan daripada individu daripada semua latar belakang, tanpa mengira keturunan, warganegara, latar belakang sosio-ekonomi, etnik, jantina, agama dan orientasi seksual yang berbeza. HUGO percaya bahawa kepelbagaian komuniti akan meningkatkan kreativiti, inovasi dan kualiti penyelidikan saintifik.
4. **Piawai Etika:** HUGO komited dan menggalakkan saintis untuk menegakkan piawai etika yang tinggi dan teragung dalam penyelidikan genomik. HUGO memastikan semua aktiviti saintifik mematuhi garis panduan etika yang ketat, melindungi hak dan maruah semua individu yang terlibat dan mungkin terjejas oleh penyelidikan genomik.
5. **Berkecuali dalam Isu Sosial:** Walaupun HUGO menyokong persekitaran yang adil dan inklusif, ia berkecuali dalam isu-isu yang melibatkan sosial dan politik, dan hanya memfokuskan kepada kemajuan sains dan genomik.

Dengan mematuhi prinsip-prinsip yang disebutkan di atas, HUGO menasaskan untuk menyumbang secara signifikan kepada landskap saintifik global, mempromosikan pengetahuan, inovasi dan faedah universal penyelidikan genomik. HUGO komited terhadap masa depan di mana sains tidak mengenal sempadan, dan di mana pencarian pengetahuan didorong oleh rasa ingin tahu, kerjasama, dan visi yang dikongsi bersama untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan manusia.

Berikut adalah dasar-dasar yang dihasilkan dari Persidangan Tahunan Genom Manusia (*Human Genome Meetings*) HUGO dan persidangan genomik kebangsaan dan serantau yang diiktiraf oleh HUGO:

- HUGO mengharapkan negara tuan rumah menerima peserta dari mana-mana negara di dunia, tanpa sebarang bentuk diskriminasi, termasuk yang berdasarkan keturunan, warganegara, warna kulit, etnik, jantina, umur, bahasa, orientasi seksual, agama, politik, kecacatan, harta, kelahiran atau status lain seperti yang ditetapkan oleh piawai hak asasi manusia.
- HUGO menyokong sains dan genomik secara global, mengiktiraf kepentingan sains merentasi sempadan dan disokong oleh komuniti saintifik di seluruh dunia, bebas daripada pengaruh kerajaan dan tidak berkaitan dengan politik.
- Kerana ketidakstabilan dan perpecahan yang berlaku di dunia sekarang, HUGO akan memerlukan mana-mana kumpulan penganjur untuk memastikan kehadiran dan penyediaan



keselamatan tambahan untuk para saintis dari semua negara, dengan menghormati keputusan peribadi mereka untuk hadir atau tidak.